



LAPORAN LIPUTAN MEDIA AHAD / 11 MAC 2018

- 1. 'ROBOT SERIGALA' BANTU PETANI JEPUN**
 - BERITA HARIAN

- 2. PASAR TANI KEKAL KULIM TERBUKA**
 - SINAR PETANI

- 3. FAMA JUAL BUAH, SAYUR RM700 JUTA**
 - KOSMO

**DISEDIAKAN OLEH:
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)**



→ DUNIA

Robot serigala yang digelar 'Super Monster Wolf' dipakaikan dengan bulu bertompok putih serta gigi taring dan mata merah berkelip untuk menghalau babi hutan yang sering merosakkan tanaman padi dan yang lain.

'Robot serigala' bantu petani Jepun

➔ Boleh mengesan haiwan pada jarak 1 kilometer, lebih efektif berbanding pagar elektrik

► Tokyo

Sebuah robot menyerupai serigala yang berjaya 'menjalankan tugas' dalam percubaan menghalau haiwan perosak bakal dipasarkan secara besar-besaran, bulan depan.

Menurut laporan Asahi TV, robot serigala yang digelar 'Super Monster Wolf' berukuran 65 sentimeter (cm) dan lebar 50 cm dipakaikan dengan bulu bertompok putih serta gigi taring dan mata merah berkelip.

Tujuan ia direka adalah untuk menghalau babi hutan yang sering merosakkan tanaman padi dan yang lain. Sebelum ini robot sama pernah digunakan sebagai percubaan di Ban-

dar Kaizudi wilayah timur Chiba, Jepun pada Julai lalu.

Siaran televisyen berkenaan menambah, apabila ia mengesan haiwan yang mendekatinya, matanya akan merah menyala sebelum menyalak.

Kuasa solar

Pengeluarannya berkata robot serigala itu menggunakan bateri dicas semula dengan kuasa solar selain mempunyai pelbagai jenis bunyi salakan yang akan menakutkan haiwan lain.

Sebagai bukti, Koperasi Pertanian Jepun menyatakan kerugian hasil tanaman dilaporkan menurun di kawasan di mana robot serigala itu diletakkan.

Fakta nombor

RM18,900

harga satu unit robot serigala

65 SM

saiz robot 'Super Monster Wolf'

Sebelum ini, petani di Kisarazu hampir berputus asa apabila hasil tanaman mereka dirosakkan babi hutan sepanjang tahun.

Bercakap kepada laman web berita Chiba Nippo, Chihiko Umezawa dari koperasi pertanian menyuarakan bahawa robot itu boleh mengesan haiwan lain pada jarak satu kilometer dan ia lebih efektif berbanding pagar elektrik.

Sekarang ini, robot serigala akan dikeluarkan secara besar-besaran di mana harganya dijual sebanyak 514,000 yen (RM18,900) seunit.

Namun, terdapat pilihan sama ada peladang boleh membayarnya robot serigala secara bulanan atau sebaliknya.

AGENSI

Pasar Tani Kekal Kulim dibuka

Fama adakan promosi barangan selama tiga hari

JAMILAH HAMZAH

KULIM

Pasar Tani Kekal Kulim yang bernilai RM2.2 juta kini dibuka secara rasminya kepada umum bermula semalam.

Pegawai Lembaga Pemasaran Pertanian (Fama) Daerah Kulim, Mohd Nadzri Ismail berkata, sambutan pada hari pertama pembukaan amat menggalakkan.

"Kita buka sejak jam 7.30 pagi, sambutan amat menggalakkan. Kita jangka hari ini lebih 3,000 orang akan mengambil peluang datang ke sini untuk beli barangan keperluan dapur mereka.

"Pasar tani ini menyediakan pelbagai jenis barangan keperluan dapur kering dan basah, dibuka dari jam 7.30 pagi hingga 1 tengah hari setiap hari," katanya kepada me-



Hasnizan (kiri) gembira dapat peluang memasarkan produk pertaniannya terus kepada pengguna.



Mohd Nadzri (dua, kanan) melihat ayam yang dijual dengan harga RM5.99 sekilogram sepanjang Program Jimat Belanja Dapur yang dilancarkan kerajaan.

dia.

Katanya, kewujudan pasar tani ini juga memberi peluang kepada peniaga terutamanya petani membuat jualan terus dari ladang kepada pengguna.

"Ini salah satu cara kita untuk banteras orang tengah, petani boleh terus jual barangan mereka kepada pengguna tanpa ada orang tengah, mereka lebih untung.

"Kita sediakan 76 lot niaga yang terdiri daripada 18 lot niaga basah

dan 58 lot niaga kering, dan semuanya sudah pun terisi," katanya.

Dalam pada itu, Pengurus Pusat Operasi Fama, Shuib Yusof berkata, sempena pembukaan pasar tani kekal ini pihaknya mengadakan promosi barangan seperti bawang, minyak masak peket dan ubi kentang selama tiga hari.

"Kita telah buat pengurangan harga dari lima hingga 20 peratus untuk barangan komoditi yang kita jual selama tiga hari berturut-turut.

"Untuk minyak masak yang menjadi rebutan pengunjung kita sediakan stok sebanyak satu tan metrik dengan harga RM2.30 setiap peket," katanya.

Sementara itu, petani kontrak Fama, Hasnizan Shauri, 41, gembira kerana diberi ruang untuk memasarkan hasil pertaniannya secara terus kepada pengguna.

"Sebelum ini saya jual kepada Fama, tapi bila dapat ruang niaga ini saya dapat jual terus kepada peng-

guna. Pendapatan pun dapat ditingkatkan kerana saya jual ikut harga pasaran runcit bukan lagi borong.

"Tapi saya masih memastikan hasil pertanian dijual dengan harga lebih murah berbanding pasaran dan lebih segar," katanya.

Sebelum ini, Pasar Tani Kulim beroperasi secara terbuka setiap petang Isnin bersebelahan pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kulim.

KERATAN AKHBAR : KOSMO
TARIKH : 3 MAC 2018 (AHAD)
PERKARA : PERTANIAN

FAMA jual buah, sayur RM700 juta

Oleh SYALMIZI HAMID

SEBERANG PERAI - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memasarkan kira-kira 350,000 tan metrik sayur dan buah-buahan bernilai lebih RM700 juta menerusi Program Ladang Kontrak setiap tahun.



Ketua Pengarahnya, Datuk Ahmad Ishak berkata, seramai 5,000 petani terlibat dalam program itu yang merangkumi kawasan seluas 10,000 hektar di seluruh negara.

"Kita memberi insentif kepada petani yang melakukan amalan pertanian baik iaitu dengan tambahan 10 sen bagi setiap sekilogram hasil dikeluarkan serta memperkenalkan harga siling sayur bagi

membantu mereka ketika harga jatuh," katanya kepada pemberita selepas Majlis



AHMAD ISHAK

Menandatangani Perjanjian Jual Beli Komoditi Sayuran Berdaun antara FAMA dan Peserta Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Ara Kuda di Tasek Gelugor di sini semalam.

Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Pengurus FAMA Corporation Sdn. Bhd., Akbarudin Nasurdin dan wakil peserta TKPM, Iliès Muhamad.

Perjanjian tersebut melibatkan pembekalan sayur seperti sawi, bayam dan kangkung daripada sembilan peserta TKPM kepada FAMA.

KOSMO - 11/3/18